



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN PEJABAT SATELIT MyIPO TAWAU PERLUASKAN AKSES PERKHIDMATAN HARTA INTELEK DI SABAH

TAWAU, 26 FEBRUARI 2025 – Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) terus memperluaskan akses kepada perkhidmatan harta intelek dengan pembukaan Pejabat Satelit MyIPO Tawau, yang kini beroperasi di Bangunan T2 Apas, Tawau. Ini merupakan salah satu inisiatif MyIPO dalam memastikan masyarakat, khususnya usahawan dan pencipta di Sabah, mendapat kemudahan yang lebih mudah diakses.

Majlis perasmian Pejabat Satelit telah disempurnakan oleh Pengerusi MyIPO, YBrs. Ts. Dr. Mohd Zuhan Mohd Zain. Sebelum ini, MyIPO hanya mempunyai satu pejabat di negeri ini yang terletak di Kota Kinabalu, menyebabkan cabaran dari segi jarak dan masa perjalanan bagi pemohon dari daerah seperti Tawau, Sandakan, dan Lahad Datu. Dengan kewujudan pejabat satelit ini, lebih ramai usahawan, pencipta, dan pemegang hak harta intelek dapat mengakses kemudahan yang lebih dekat dan efisien, sejajar dengan usaha memperkukuhkan ekosistem inovasi dan daya saing perniagaan tempatan.

Dalam tempoh lima tahun terakhir, dari 2020 hingga 2024, sebanyak 2,196 permohonan harta intelek telah diterima dari negeri Sabah, mencerminkan peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan perlindungan harta intelek. Pembukaan Pejabat Satelit MyIPO Tawau dijangka akan terus memacu pertumbuhan ini dengan memberi ruang kepada lebih ramai individu dan syarikat untuk mendaftarkan hak mereka dengan lebih mudah.

Pejabat satelit ini turut berperanan dalam memperkasakan usahawan tempatan dengan pengetahuan dan bimbingan mengenai perlindungan harta intelek. Dengan lebih banyak perniagaan Sabah yang berorientasikan produk tempatan dan berasaskan warisan, perlindungan hak harta intelek seperti cap dagangan, reka bentuk perindustrian, dan hak cipta dapat membantu meningkatkan nilai komersial serta daya saing mereka di pasaran.

Selain itu, Sabah juga merupakan antara negeri yang mencatatkan jumlah pendaftaran Petunjuk Geografi (GI) yang tinggi, dengan produk seperti Tawau Koko, Kopi Tenom, Kolupis Sabah, Belacan Papar, Amplang Tawau dan *Sabah Tea* telah mendapat pengiktirafan GI. Potensi Sabah dalam aspek ini masih luas, dan MyIPO menggalakkan lebih ramai pengusaha untuk mengambil langkah proaktif dalam memastikan keunikan produk tempatan mendapat perlindungan sewajarnya.

Pembukaan pejabat ini merupakan satu lagi pencapaian dalam usaha MyIPO memperluaskan rangkaian perkhidmatannya, selepas kejayaan menubuhkan Pejabat Satelit di Kuala Terengganu, Ipoh, Alor Setar, dan Kota Bharu. Selain pejabat satelit, MyIPO turut beroperasi di enam buah negeri iaitu Johor, Melaka, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. MyIPO akan terus komited dalam memperkukuhkan sistem perlindungan harta intelek di Malaysia, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui inovasi dan kreativiti.

Hadir sama Anggota-Anggota Perbadanan MyIPO dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pengawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.